



جَابَتْ مُفْتِنَةً فِي قَمَحٍ

قوله تعالى :

فَسَأَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan:

Apakah hukum jual beli akaun game seperti mobile legends (mlbb), pubg dan free fire (ff)?

Jawapan:

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran buat Allah SWT atas kesedaran Tuan dalam bertanyakan soalan yang hebat ini. Semoga Allah merahmati Tuan sekeluarga.

Jual beli apa asalnya adalah harus dan Allah SWT menghalalkan jual beli berdasarkan surah al-Baqarah ayat 275: "*Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba*". Namun jual beli tersebut mestilah tidak mengandungi unsur-unsur haram yang bertentangan dengan syarak dan maqasid syariah. Pembeli/penjual juga mestilah mengetahui dengan jelas barang yang ingin dibeli/ dijual dan berapa harga barang tersebut agar tidak timbulnya *gharar* ketika berjual beli.

Akaun game merujuk kepada akaun permainan (*game account*) yang digunakan oleh pemain untuk mengakses dan bermain permainan secara atas talian (*online*). Akaun ini selalunya menyimpan maklumat peribadi pemain seperti nama pengguna, kata laluan dan kadang-kadang maklumat bank untuk urusan pembayaran dan

pembelian. Akaun permainan juga dapat menyimpan data permainan pemain seperti kemajuan permainan, pencapaian dan item yang dimiliki dalam permainan seperti rekod pakaian, senjata dan aksesori. Pengguna boleh bermain permainan dengan menggunakan pelbagai peranti. Ia juga membolehkan pengguna untuk berinteraksi dengan pemain lain dalam permainan yang mempunyai ciri-ciri multiplayer. Terdapat pelbagai jenis akaun permainan secara atas talian (*online gaming*) atau e-gaming. Antaranya *Mobile Legends: Bang Bang (MLBB)*, *Player Unknown's Battlegrounds (PUBG)*, *Free Fire (FF)* dan banyak lagi.

Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) merupakan sebuah permainan video berunsurkan strategi dalam bentuk *Multiplayer Online Battle Arena* (MOBA). Dalam permainan ini, pemain akan mengendalikan watak atau hero yang mempunyai kekuatan dan kemampuan yang luar biasa untuk menewaskan pihak lawan sambil melindungi diri sendiri.

Player Unknown's Battlegrounds (PUBG) merupakan permainan peperangan secara atas talian (*online*) yang dibangunkan oleh sebuah syarikat Korea Selatan yang bernama Bluehole dan terkini diusahakan oleh anak syarikatnya iaitu PUBG Corporation. Dalam permainan ini, terdapat seramai 100 pemain payung terjun akan pergi ke sebuah pulau dan harus mencari senjata serta peralatan untuk mengalahkan pemain lain sambil memastikan diri sendiri tidak terbunu. Peta permainan akan semakin mengecil seiring waktu dan memaksa pemain yang masih hidup untuk bertemu serta saling bertarung.

Free Fire (FF) merupakan sebuah permainan video bergenre *battle royale* yang dikerahkan pemainnya ke sebuah pulau yang luas dengan pesawat. Kesemua pemain perlu mencari senjata, peralatan dan pelbagai item untuk bertahan hidup dan bertarung melawan pemain-pemain yang lain. Tujuan utama permainan ini adalah untuk menjadi satu-satunya hero yang masih hidup di akhir permainan ini.

Jika dilihat ketiga-ketiga permainan secara atas talian (*online*) ini adalah harus pada asalnya. Penjualan dan pembelian akaun permainan ini juga harus disebabkan ia wujud dan masih tidak bertentangan dengan syarak. Hal ini berdasarkan kepada kaedah fiqhiyyah:

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Maksudnya: Hukum asal sesuatu perkara adalah diharuskan, sehingga di datangkan dalil pengharamannya.

Selain daripada itu, permainan dalam Islam juga dipandang sebagai satu aktiviti yang memberi peluang kepada individu dan masyarakat untuk bersantai dan menghiburkan diri, namun perlu dilakukan dalam batasan yang ditetapkan oleh syariat. Islam mengajar agar permainan dilakukan dengan penuh tanggungjawab, menghormati peraturan, tidak melanggar nilai-nilai moral serta tidak mengandungi unsur pengharaman. Permainan boleh dijadikan sebagai medium untuk memupuk kecerdasan, kesantunan serta mengeratkan hubungan sesama manusia dengan mengutamakan sikap adil, kasih sayang dan kebersamaan. Berikut adalah pandangan mengenai hukum bermain permainan menurut empat mazhab utama dalam Islam:

- a. Mazhab Shafi'i: Bermain permainan yang tidak melibatkan unsur perjudian atau kekerasan dianggap mubah. Namun, jika permainan tersebut menyebabkan pemain lupa solat atau kewajipan lainnya, maka ia boleh dianggap makruh.
- b. Mazhab Hanafi: Bermain permainan yang tidak melibatkan unsur perjudian, kekerasan, atau pornografi dianggap mubah (dibenarkan). Namun, jika permainan tersebut mengambil masa yang terlalu lama sehingga mengganggu kewajipan agama, maka ia boleh dianggap makruh (tidak disukai).
- c. Mazhab Maliki: Bermain permainan yang tidak melibatkan unsur perjudian atau kekerasan dianggap mubah. Namun, jika permainan tersebut menyebabkan pemain lupa solat atau kewajipan lainnya, maka ia boleh dianggap makruh.
- d. Mazhab Hanbali: Bermain permainan yang tidak melibatkan unsur perjudian atau kekerasan dianggap mubah. Namun, jika permainan tersebut

menyebabkan pemain lupa solat atau kewajipan lainnya, maka ia boleh dianggap makruh.

Majoriti mazhab mengatakan hukum permainan adalah harus atau mubah namun boleh bertukar menjadi makruh sekiranya permainan ini sama sekali tidak memberikan kebaikan buat pemain malahan membuatkan pemain lalai dengan kewajipan sebagai seorang Muslim. Hukum makruh ini juga boleh bertukar menjadi haram sekiranya permainan ini mengandungi unsur-unsur haram serta membawa kepada ketagihan yang melampau (*extreme*) sehingga boleh mendatangkan kemudharatan dan kemaksiatan terhadap diri dan orang sekeliling. Hal ini berdasarkan kepada kaedah fiqhiyyah:

ما أدى إلى الحرام فهو حرام

Maksudnya: Sesuatu perkara yang membawa kepada yang haram, maka perkara tersebut haram hukumnya.

Permainan ini juga boleh bertukar menjadi haram apabila pemain atau pengguna menggunakan unsur pengharaman yang terdapat di dalamnya contohnya unsur perjudian. Umum mengetahui judi adalah salah satu perbuatan yang dilarang oleh Allah S.W.T kepada hamba-Nya. Larangan berkenaan judi boleh dilihat menerusi firman Allah S.W.T dalam surah al-Maidah ayat 90 yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya*”.

Dalil ini menunjukkan perintah agar umat Islam menjauhi semua perbuatan kotor dan terkutuk terutama judi. Masih terdapat dalam kalangan masyarakat yang kurang memahami istilah judi dan bentuk-bentuk judi yang wujud sehingga perbuatan judi semakin berleluasa dalam masyarakat. Hal ini mungkin disebabkan amalan ini kadang kala disembunyikan dalam bentuk permainan, peraduan, sukan, pelaburan, cabutan bertuah dan lain-lain lagi.

Perjudian dalam Bahasa Arab bermaksud *maysir*. Istilah *maysir* ini telah digunakan dalam al-Quran yang menunjukkan kepada pengharaman judi. *Maysir* juga sering ditakrifkan oleh para ulamak silam sebagai *qimar* yang bermaksud pertaruhan. Judi dengan lebih jelas memberi maksud pertaruhan di antara dua orang atau lebih yang mana pihak yang menang akan memperoleh harta atau barang yang dipertaruhan itu manakala pihak yang kalah akan rugi atau kehilangan barang tersebut.

Semua sedia maklum perbuatan judi yang wujud dalam masyarakat contohnya Casino, pusat perjudian, loteri, kedai-kedai Sport Toto dan mesin tikam adalah najis yang haram. Namun, wujud juga permainan yang mengandungi unsur pertaruhan di mana ada pihak yang akan menang dan ada pihak yang akan rugi. Jika tiada pihak yang rugi maka permainan tersebut masih tidak dianggap sebagai judi. Selain itu, setiap permainan yang berdasarkan nasib dan yang membantutkan akal fikiran juga adalah haram (al-Fiqh al-Manhaji, 8/146).

Permainan secara atas talian (*online*) ini menawarkan pelbagai bentuk dan keistemewaan bagi menarik minat masyarakat untuk bermain. Antaranya adalah dengan menyediakan kedai atau *shop* dalam *game*, *mystery box*, *spin event* dan lain-lain lagi. Ada yang perlu membayar dengan token-token yang dikumpul dalam *game* dan ada juga yang perlu dibeli dengan duit sebenar iaitu Ringgit Malaysia (RM). Jika pengguna atau pemain ingin membeli item yang dijual dengan duit sebenar RM maka perlu mengetahui barang atau item apa yang ingin dibeli. Jika pemain mengetahui barang tersebut dengan jelas maka ia adalah harus.

Namun jika pemain tidak mengetahui barang apa yang ingin dibeli maka ia adalah haram. *Spin event* dan *mystery box* yang disediakan oleh akaun permainan mengandungi unsur perjudian dan pertaruhan. Hal ini disebabkan pemain membeli barang dengan menekan spin tersebut dan memperoleh barang berdasarkan nasib. Unsur perjudian ini tidak akan berlaku jika barang yang dibeli dengan wang sendiri tersebut dapat membeli seperti barang yang diminta. Namun, ia adalah haram bagi pemain untuk membeli sesuatu di dalam permainan tetapi mereka mendapatinya secara kebetulan daripada beg misteri. Hal ini kerana terdapat pertaruhan dan permainan ini mempunyai elemen *zero-sum* yang bermaksud bahawa ia hanya

bergantung pada nasib sekaligus ia membawa kepada unsur *gharar*, yang diharamkan oleh Islam maka ia dianggap sebagai judi.

Sekiranya pemain tidak terlibat dengan *spin event* dan *mystery box* yang menggunakan duit sebenar RM maka ianya masih dianggap harus. Maka jual beli akaun permainan ini juga adalah diharuskan dengan syarat pemain tidak menyertai acara permainan yang perjudian.

Jika pengguna atau pemain pernah terlibat dengan permainan *spin event* dan *mystery box* dan seumpamanya ini maka pemain perlu bertaubat dan segala untung atau wang yang pernah diperoleh sepanjang bermain hendaklah disalurkan kepada Baitulmal kerana wang tersebut dikira sebagai wang tidak patuh syariah. Pemain juga tidak boleh mengulangi semula dosa yang telah dilakukan itu. Hal ini disebabkan secara jelas telah menunjukkan bahawa adanya unsur pertaruhan dalam permainan-permainan ini. Daripada Nu'man bin Basyir R.Anhuma, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنُ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنُ، وَبَيْنَمَا مُشْتَهِيَّاتُ، لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنِ اتَّقَى
الشُّهُبَاتِ، فَقَدِ اسْتَبَرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّهُبَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ
الْحِمَى، يُوشِكُ أَنْ يَقْعُدْ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي
الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقُلْبُ.

Maksudnya: “Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang *syubhat* (*samar-samar*) yang tidak diketahui oleh sebahagian manusia. Maka sesiapa yang menjauhi perkara *syubhat* bermakna dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara *syubhat*, maka dibimbangi akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan. Sebagaimana pengembala yang membawa haiwan gembalaannya disekitar padang larangan, maka lambat laun dia mungkin akan memasukinya. Ketahuilah bahawa setiap raja memiliki larangan dan larangan Allah adalah apa yang Dia haramkan. Ketahuilah bahawa dalam diri ini terdapat segumpal

daging, jika ia baik maka baiklah seluruh tubuh ini dan jika ia buruk, maka buruklah seluruh tubuh; ketahuilah bahawa ia adalah hati.”

Riwayat al-Bukhari (45) dan Muslim (133)

Allahu ‘alam. Semoga Allah merahmati kita semua di dunia dan di akhirat.

Rujukan

al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba’ah Dr. Muhammad Mustafa al-Zuhaili 1/190

Al-Fiqh al-Manhaji ala Mazhab al-Imam al-Syafie, Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, Ali Syarbaji, Cetakan dar al-Qalam 1992

Bayan Linnas Siri Ke-220: PUBG: Pandangan Dari Sudut Syarak
<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3992-bayan-linnas-siri-220-pubg-pandangan-dari-sudut-syarak-syarak>

Irsyad Hukum Siri Ke-544: Hukum Streamer Menjana Pendapatan Melalui Live Streaming <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/4650-irsyad-al-fatwa-siri-ke-544-hukum-streamer-menjana-pendapatan-melalui-live-streaming>

Irsyad Hukum Siri Ke-626: Isu Perjudian Berkaitan Unknown Cash (UC) PUBG
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5013-irsyad-al-fatwa-siri-ke-626-isu-perjudian-berkaitan-unknown-cash-uc-pubg>

Irsyad Hukum Siri Ke-713: Hukum Bermain Permainan di Fun Fair
https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5373-irsyad-al-fatwa-siri-ke-713-hukum-bermain-permainan-di-fun-fair?fbclid=IwAR0GRN1684q0JH6_2A9swuNIQN09ddYvXPWD227N0KhwhjNVrb0kHQhlOzM

Penulisan ini disediakan oleh:

Ustazah Nurul Athirah binti Mohd Azmi

Panel Soal Jawab Agama Jabatan Mufti Negeri Pahang